



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 30 NOVEMBER 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM501.54 mln ALLOCATION FOR AGRICULTURE AND FISHERIES MINISTRY REASONABLE, HOME, BORNEO POST -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	56 EKOR PENYU DITEMUKAN MATI DI TERENGGANU, DALAM NEGERI, UM -31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	ANWAR PERLU SEGERA TANGANI ISU SEKURITI MAKANAN, MSN -ONLINE	LAIN-LAIN
4.	TANAM PADI DALAM TONG CAT TERPAKAI, NASIONAL, SH -21	
5.	NOT EGG ENOUGH, MUKA DEPAN, THE SUN -1	
6.	NO CHICKEN FEED IN FINES, NATION, THE STAR -10	
7.	BEKALAN TELUR AYAM SUKAR DIDAPATI DI IPOH, NASIONAL, SH -12	
8.	JANGAN BUAT PEMBELIAN PANIK, NASIONAL, SH -12	
9.	PENGELUAR, PEMBORONG, PERUNCIT AYAM DAN TELUR AYAM DIKOMPAN RM534,200, NASIONAL, SH -12	
10.	TIADA ASAS DAKWAAN BEKALAN TELUR, NEGARA, KOSMO -9	
11.	MOHON KERAJAAN TURUNKAN HARGA DEDAK, NEGERI KELANTAN, SH -26	
12.	TANGANI KEMELUT BEKALAN MAKANAN, NEGERI TERENGGANU, SH -25	
13.	HARGA DEDAK NAIK HAMPIR 50%, NEGARA, KOSMO -16	
14.	142 PENIAGA NAIK HARGA TELUR, AYAM DIKOMPAN, NEGARA, KOSMO -16	
15.	PEMAIN INDUSTRI TAMAK PUNCA AYAM KURANG, DALAM NEGERI, UM -12	
16.	PENIAGA AYAM, TELUR KENA KOMPAN RM534,200, NASIONAL, BH -18	
17.	'BEKALAN TELUR BELUM STABIL SEPENUHNYA', LOKAL, HM -19	
18.	SANGGUP BAYAR DEPOSIT DEMI SARAPAN TELUR, LOKAL, HM -19	
19.	PERUNCIT PALING RAMAI DIKOMPAN, LOKAL, HM -19	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	RM501.54 mln allocation for Agriculture and Fisheries Ministry reasonable		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	30 Nov 2022	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	123 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 343
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,029



## RM501.54 mln allocation for Agriculture and Fisheries Ministry reasonable

**KOTA KINABALU:** The RM501.54 million allocation for the Agriculture and Fisheries Ministry in the 2023 Budget is reasonable as it is responsible in ensuring Sabah is self-sufficient in food supplies.

Kawang assemblyman Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar said that it is hoped that the allocation provided will help programmes in the food sector to thrive and meet the demands of consumers and the state.

For example, rice, vegetables, grains, fruits, fish, meat, poultry, eggs and others that are needed by citizens daily, he said.

"For me, it is reasonable for the government to focus and give priority to the food sector post Covid-19 which put all economies in the world in uncertainties - where it is feared the global economy crisis will collapse and inflation increase," he said.

"The action of the Agriculture and Fisheries Ministry in Sabah to sign the memorandum of understanding with the Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI) in April this

year for the development of the agrifood sector in Sabah is the right move.

"Also realised is the MoU between Agrobank and Sabah Economic Development Corporation (SEDCO) for the creation of strategic partnership in investment activities and to increase synergy to develop Sabah Agroindustrial Precinct (SAIP)," he said.

He added that SAIP is a technology precinct that functions as a platform for the development of an agro-based industry that focuses on the development of agro-food and specialty crops/ natural products driven by technological innovation and research and development processing in an area of 215 acres located in Kimanis, Papar.

"Efforts and strategic partnerships that are implemented are hopefully capable of raising food supply security and guarantee food security, while also helping farmers and agrifood operators," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

# 56 ekor penyu ditemukan mati di Terengganu

**KUALA TERENGGANU:** Sebanyak 56 ekor penyu ditemukan mati di negeri ini dari Januari hingga Oktober tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, jumlah kematian penyu itu meningkat berbanding 51 ekor dalam tempoh yang sama pada tahun 2021.

Menurut beliau, bangkai penyu yang mati biasanya ditemukan dalam beberapa keadaan antaranya, hanyut terperangkap dalam pukot nelayan, terdapat tali yang membelit disekeliling bangkai penyu, terdampar di

pantai dan terdapat batu yang diikat pada bangkai penyu bertujuan menenggelamkannya di dasar lautan.

Bagaimanapun, beliau berkata, tiada bukti khusus yang boleh mengaitkan kematian penyu itu disebabkan pukot pari atau pukot malas yang digunakan nelayan namun menegaskan kematian adalah disebabkan perbuatan khianat manusia.

Oleh itu, katanya, kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perikanan sentiasa melaksanakan beberapa operasi penguatkuasaan pukot pari dan sepanjang tahun ini, sebanyak 37 pukot pari dirampas di Pengkalan Nelayan Daerah Kemaman dan Dungun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2022	MSN	ONLINE	

## Anwar perlu segera tangani isu sekuriti makanan

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diharap dapat segera menangani isu sekuriti makanan yang semakin meruncing terutama selepas negara terkesan akibat dilanda pandemik Covid-19.



Isu sekuriti makanan perlu menjadi keutamaan kerajaan baharu pimpinan Anwar. - Gambar hiasan© Provided by Sinar Harian

Pengerusi Persatuan Hak Dapat Makanan (Hadam) Malaysia, Profesor Dr Wan Abdul Manan Wan Muda berkata, ketika ini negara mempunyai dua juta iaitu 6.3 peratus rakyat yang kelaparan atau tidak mampu menghidang makanan setiap hari berdasarkan dapatan daripada Global Nutrition Report 2022.

Menurutnya, Hadam telah menggariskan lima perkara yang perlu diambil tindakan segera agar isu tersebut tidak terus menjadi lebih parah.

Kami menggesa kerajaan memastikan harga makanan dan minuman asas yang kini semakin meningkat tidak terus meningkat atau wujudkan skim bantuan makanan yang dapat menampung semua golongan peringkat penduduk, terutama sekali golongan miskin.

"Selain itu, melaksanakan pemberian hidangan makanan percuma berbentuk sejagat kepada semua kanak-kanak sekolah rendah tanpa mengira tingkat pendapatan keluarga mereka.

"Seterusnya, melaksanakan bayaran balik kepada kanak-kanak di bawah skim Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang dinafikan hak mereka sewaktu sekolah tutup selama dua tahun (2020 dan 2021), walhal bajet untuk RMT telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2019 dan 2020," katanya dalam satu surat terbuka kepada Anwar pada Selasa.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu mewujudkan kementerian yang bertanggungjawab terhadap sekuriti makanan negara.

"Hadam mencadangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ditukar nama kepada Kementerian Pertanian dan Makanan, serta melantik seorang menteri yang peka soal makanan penduduk bukan kepentingan keuntungan pihak industri.

"Hadam juga menyeru supaya empat komponen asas sekuriti makanan sentiasa dikawal dan dipantau, ini termasuklah komponen iaitu ada makanan, makanan boleh didapati dan orang mampu membeli, pengambilan makanan yang memenuhi keperluan nutrien harian setiap individu dan jaminan bekalan makanan pada waktu kecemasan, kegawatan dan malapetaka.

Wan Abdul Manan menegaskan jaminan makanan yang cukup bakal meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.



# Tanam padi dalam tong cat terpakai

Bekas anggota TLDM menggunakan tanaman padi berskala kecil di halaman rumahnya

**KUALA KANGSAR**

Lari daripada kebiasaan, seorang bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menanam padi berskala kecil di halaman rumahnya di Kampung Hilir di sini menggunakan tong cat terpakai berbanding resam kehidupan padi di sawah.

Eddrus Iskandar, 35, berkata, idea teretus apabila melihat ibu saudaranya berjaya menghasilkan tanaman padi di dalam pasu lantias memulakannya sejak pertengahan tahun ini.

"Pada permulaan, ibu saudara saya menggunakan baja sekam padi untuk tanaman di rumahnya seperti cili dan sebagainya. Dalam sekam padi

itu wujud sebutir padi yang tidak terbakar dan dari situ dia teretus tanam padi dalam sebuah pasu," katanya.

Eddrus Iskandar yang berkhidmat selama 15 tahun dengan TLDM berkata, dia tidak menyangka cubaannya menghasilkan hasil memandangkan pada awalnya hanya ingin mencuba kerana tertarik dengan kaedah penanaman padi dalam tong cat yang mudah dan kos efektif.

Katanya, konsep penanaman padi dalam tong cat dan di sawah adalah sama termasuk dari segi pengawalan air yang mencukupi, penggunaan baja dan kandungan mineral dalam tanah yang terkawal dan cuaca yang baik.

"Saya ambil sedikit benih dari tempat pemrosesan padi dan pemberian ibu saudara. Alhamdulillah, kini saya dapat menghasilkan kira-kira sekilo padi iaitu hasil tanaman di tiga hingga empat tong cat," katanya yang turut menanam beberapa sayur seperti cili dan bawang Brazil.

Eddrus Iskandar berkata, penanaman padi dalam tong

FOTO: BERNAMA



Eddrus Iskandar meminati pekelip padi yang ditanam menggunakan kaedah penanaman di dalam tong cat di halaman rumahnya di Kampung Hilir, Kuala Kangsar.

cat adalah mudah kerana tidak memerlukan banyak peralatan selain tidak perlu risau kehadiran haiwan perosak. "Anggaran secara kasar, 20 pasu atau tong cat padi boleh mengisi perut sebuah keluarga yang mempunyai tiga hingga empat orang anak untuk keperluan sebulan," ujarnya.

Dia percaya saranan kerajaan supaya rakyat di negeri ini menanam sayur-sayuran dan memelihara haiwan ternakan untuk kegunaan sendiri dapat membantu menangani kekurangan bekalan makanan ketika ini serta meringankan beban kos sara hidup rakyat. Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah sebelum ini turut menitah-



Eddrus Iskandar menunjukkan padi yang telah dituai.

kan agar gerakan secara besar-besaran dilakukan untuk memenuhi keperluan bekalan makanan negara yang ketika ini di ambang bahaya. - Bernama




Menurut Eddrus Iskandar, idea menggunakan padi dalam tong cat teretus apabila melihat ibu saudaranya berjaya menghasilkan tanaman padi di dalam pasu.



ON WEDNESDAY

No. 8158 PP 2644/12/2012 (031195)  
[www.thesundaily.my](http://www.thesundaily.my)

NOVEMBER 30, 2022



**NOT EGG-NOUGH ...**  
A worker collecting eggs at a poultry farm in Mentakab, Pahang yesterday. Malaysia is scrambling for eggs following a crippling shortage due to soaring prices of chicken feed. - **AFPPIC**



# No chicken feed in fines

## RM534,200 compounds issued to 2,205 chicken and egg sellers

**PUTRAJAYA:** Compounds worth about half a million Ringgit were slapped on 2,205 producers, wholesalers and retailers of chicken and eggs for various offences since Feb 5, said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KDPNHEP) secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof.

Compounds totalling RM534,200 were issued for offences involving the profiteering of subsidised and controlled items committed in 2,205 enforcement actions.

Out of the total, 153 actions involved offences such as selling goods above the maximum price, failing to display pink price tags on controlled items (1,980), and not displaying price tags (72).

"The actions and compounds were issued against 13 producers, 54 wholesalers, and 2,138 retailers

portal at <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my>, or email [eaduan@kpdnhep.gov.my](mailto:eaduan@kpdnhep.gov.my).

He also described allegations about the existence of cartels that hid egg supplies before and after the 15th General Election (GE15) as baseless.

Azman said the ministry did not receive any complaints regarding such activities.

"If it happens, consumers can always lodge a report with us, and the KDPNHEP's Enforcement Division will conduct an investigation," he said.

On the issue of a hike in the prices of eggs in the market, Azman said action could be taken against industry players under the Price Control Act and Anti-Profiteering Act 2011 if they were found to have flouted the law.

### **"The actions and compounds were issued against 13 producers, 54 wholesalers, and 2,138 retailers of chicken and chicken eggs."**

Datuk Azman Mohd Yusof

of chicken and chicken eggs.

"The value of the items confiscated was RM336,634," he told Bernama after officiating the "Sihat Ke Saya?" programme organised by the Association of Wives and Women Civil Servants KDPNHEP branch here yesterday.

Azman also urged consumers to

lodge complaints on supply issues or the price of goods through KDPNHEP's six official channels, namely the Enforcement Command Centre (ECC) at 03-8882 6088/6245 or the 800-886-800 hotline number, or through WhatsApp at 019-279 4317/019-848 8000, the Ez-ADU application, the e-Aduan

Tinjauan Sinar Harian di beberapa kedai runcit mendapati kebanyakannya masih berdepan kekurangan stok

Oleh NOOR ANON dan RUMAH MED YUSOF



NOOR ANON



FAUZIA

# Bekalan telur ayam sukar didapati di Ipoh



Asak lelaki Kim menyayur telur ayam yang baru diterima daripada pembekal di Ipoh.

Penjualan di beberapa kedai runcit mendapati kebanyakannya masih berdepan kekurangan stok. "Bekalan itu ada cuma ia di-hantar setiap minggu mengikut tempahan. Kami berniaga kecil-kecilan jadi tempahan telur di-riperoleh dengan lambat. "Sejak tiga minggu lalu, oc-rak pembelian pelanggan pun-buruk. Boleh mereka beli 10 biji sahaja tetapi disebabkan isu bekalan ini, ada yang membeli sehirings dua pesen," katanya. Penjual telur yang mahu di-kenal sebagai Angie berkata, isu-kekurangan bekalan telur ayam-terdisekitar paling teruk kerana ia-berkaitan tanpa ada jalan pen-ryasaan dan menerima pihak. Menurutnya, setiap hari dia-berdepan dengan permintaan-pelanggan yang mahu membeli telur ayam segar. "Kita menerima bekalan 100-papan telur ayam setiap hari dan-dalam tempoh beberapa jam ia-sudah habis kerana ada yang-ditertip awal oleh pelanggan. "Tapi ada sebilangan pe-langgan berhadiah memarahi-sewa mendakwa kami simpan-stok telur untuk dijual pada ha-ri tinggi. Logiknya, telur tidak-boleh disimpan lama dan sudah-boleh segar lagi," jelasnya. Angie bagaimanapun me-

nasihatkan pelanggan untuk ti-dak menyayur gembor telur-nya kerana bekalan telur ayam-nya mungkin sudah terjual pada-nya. Semua penjual berhadapan-itu yang sangat teruk kerana ke-pada pelanggan dengan keada-an kami dihadapi ini termasuk kenalkan harga," katanya. Pemborong, Noor Syamimi- Suhaimi pula berharap kerajaan-beraku ini dapat menyelesaikan-terlebih dahulu masalah bekalan-dan harga telur ayam di pering-kat pusat. "Penyeselesaian komprehensif-penuh dibekalkan melibatkan se-mua yang terlibat dalam rantai-dan peredaran ini. "Penderian subsektir kepada

pengeluar telur ayam yang di-lantikan sehingga bulan depan-juga dilihat tidak efisien kerana-nya kerana ini su ini tidak cukup-diselesaikan. "Sebelum ini kita terima dua-ton gula dengan pengharapan-nya kali seminggu dan kali ini-menurun kepada 240 kilogram-sahaja. Kami terpaksa menempoh-stok gula tempada beberapa-pembekal lain, jelasnya.

## Jangan buat pembelian panik

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) memarahkan pengguna tidak membuat pembelian panik, sebaliknya ber-bekal secara bersejarah. "Pengarah KPDNHEP WPKL, Aniffi Sameudin berkata, isu ke-kurangan bekalan telur ayam yang dilaporkan di media sosial me-mebabkan pengguna membuat pembelian panik dan membuat pembelian dalam skala besar wa-rna bimbang terputus bekalan. Menurutnya, KPDNHEP WPKL tidak menafikan dakwaan itu namun soakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi daripada pengguna ber-hubungan itu. "Saya nasihatkan pengguna membuat pembelian panik, agar tidak membeli dalam skala besar (lelu)

## Pengeluar, pemborong, peruncit ayam dan telur ayam dikompaun RM534,200

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengeluarkan kompaun berjumlah RM534,200 terhadap 2,205 pengeluar, pemborong dan peruncit telur ayam termasuk sebagai ka-sualti bagi tempoh 5 Februari hingga 15 Februari. Ketua Seksyen KPDNHEP Datuk Asman Mohd Yusof berkata, kompaun itu dikeluarkan kerana 2,205 tindakan-pengangkutan bagi membantulas pencatutan harga barang-an kawalan bersubsidi dalam tempoh berkenaan. Beliau berkata, daripada jumlah itu 153 tindakan melibatkan-pemeriksan menjual melebihi harga maksimum, tidak men-berikan tanda harga merah jambu pada barang kawalan (1,980) dan tidak memamerkan tanda harga (72). "Inklud dalam kompaun itu diberikan terhadap 13 pengeluar, 54 pemborong dan 2,188 peruncit bekalan ayam dan telur ayam, dengan nilai bilan RM536,634. "Kawanya di sini pada Selasa, 15 Februari, KPDNHEP telah mengeluarkan surat pe-nyakit kepada 15 Azman menyifatkan ia, tubuhan tidak bersewa, malah-phalanya tidak menerima sebarang aduan berhubung kegit-an tersebut. - BERNAMA

Selain itu, beliau berkata de-pan KPDNHEP WPKL juga-sensasi menandakan pematuhan-nya secara berkala di lokasi-kumpulan seperti pasar awam, pasar tani, pasar raya serta kedai-runcit bagi memastikan peneja-pemeriksan harga yang ditetapkan. Katanya, tindakan tegas akan-ditambakan terhadap pihak yang-melanggar Akta Kawalan-Bekalan 1974 (AKB 1974) dan Bekalan 1974 termasuk menghi-nti menyuar, menyimpan atau-unsur-unsur subsektir terhadap-bekalan telur ayam. "Kami mohon kerjasama pi-hak pasar raya dan peniaga da-lam isu bekalan dan harga telur-ayam ini. "Kami tidak akan ber-komprom dengan mana-mana-pihak yang cuba menjaja-bekalan kepada pengguna. "Ujar beliau.



KPDNHEP memaklumkan, beberapa negeri masih berdepan kekurangan bahan tersebut

# Tiada asas dakwaan bekalan telur pulih

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyifatkan, dakwaan sesetengah pihak mengenai bekalan telur tiba-tiba pulih selepas selesai Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sebagai tidak berasas.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Azman Mohd. Yusof berkata, dakwaan itu tiada asasnya kerana ketika ini, ada beberapa negeri masih berdepan masalah bekalan telur.

Beliau berkata, pihaknya tidak nampak mengapa bekalan bahan berkenaan tidak mencukupi kerana kerajaan sudah memberi subsidi kepada peladang dan pengusaha bagi telur gred A, B dan C.

"Saya difahamkan, pengusaha di peringkat ladang ada membangkitkan isu kos pengeluaran yang semakin meningkat, namun ia sudah diseimbangkan dengan agihan subsidi," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Program 'Sihat Ke Saya di sini semalam.



**BEKALAN telur masih berkurangan dalam satu tinjaian yang dilakukan di sektor Chow Kit, Kuala Lumpur serantau.** – AMIR KHALID

Katanya, pihaknya akan sentiasa berunding dengan pengusaha telur dan tidak menutup pintu

bagi sebarang perbincangan. Azman menjelaskan, kekurangan bekalan telur juga dikesan

berlaku disebabkan beberapa faktor seperti keadaan alam sekitar, cuaca tidak menentu serta

penyakit yang mendorong kepada masalah bekalan dan bukan hanya disebabkan kenaikan kos pengeluaran.

Berhubung dakwaan kononnya ada telur busuk dan rosak dijual di pasaran, Azman berkata, beliau turut menerima aduan sama, namun selepas diperiksa, tiada sebarang bukti diperolehi.

"Jika benar ada dakwaan berkaitan, kami akan mengambil tindakan segera berdasarkan peruntukan peraturan dan undang-undang sedia ada.

Susulan kenaikan harga telur di pasaran pula, beliau mahu pengguna melaporkan segera kepada penguat kuasa jika dakwaan itu benar memandangkan telur bagi gred A, B dan C di pasaran terikat pada harga kawalan.

Justeru, beliau mengingatkan pengguna supaya melaporkan aduan secara terperinci dan spesifik supaya tindakan segera boleh diambil.

"Boleh buat aduan, seberapa banyak pun boleh, tetapi kena spesifik kerana kami tidak mempunyai kekuatan untuk memeriksa seluruh kedai," katanya. \*

30/11/2022

SINA

NEGERI

26

HARIAN

KELANTAN

# Mohon kerajaan turunkan harga dedak

Penternak ikan air tawar tanggung kos yang tinggi berikutan harga dedak yang melambung naik sejak awal tahun

GUA MUSANG

**P**engusaha ikan air tawar di daerah ini berharap kerajaan dapat memberi perhatian kepada masalah harga dedak yang meningkat mendadak sejak awal tahun ini.

Seorang pengusaha Mat Nawi Hussin, 63, berkata, permintaan terhadap ikan patin, kelah, tilapia, tong-sari dan lampam krai yang diusahakannya mendapat permintaan setiap hari, namun hasil jualan masih tidak dapat mengimbangi kos perbelanjaan yang dikeluarkan.

"Meskipun setiap minggu saya dapat menjual ikan kelah yang harganya mencecah RM500 bagi ikan betina yang berat dua kilogram (kg) ke atas, hasil keuntungan masih tidak memberangsangkan kerana kenaikan harga dedak yang mendadak sejak awal tahun ini, harga biasa bagi satu beg makanan seberat 20kg ialah RM64, namun naik mendadak kepada RM95.

"Saya mula menternak sejak 1993, memang ada kenaikan harga dedak tetapi tidaklah terlalu ketara,



Penternak ikan air tawar Mat Nawi Hussin, 63, memantau ikan-ikan peliharaan yang ditusahakannya sejak 1993 ketika ditemui di kolam ternakannya di Lapan Jaya, Gua Musang, pada Selasa.

namun semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 hingga sekarang, saya rasa amat terbeban memandangkan ia makanan yang wajib dibekalkan kepada ternakan untuk dapatkan protein dan nutrisi yang mencukupi," katanya ketika ditemui pembenta di kolam ternakannya di Lapan Jaya, di sini pada Selasa.

Mat Nawi berkata, dia memerlukan sebanyak enam beg dedak sehari untuk kira-kira 100,000 ekor ikan ternakannya.

Namun ekoran kenaikan kos makanan itu, dia terpaksa mengurangkan kepada hanya tiga beg sehari malah menggantikannya dengan makanan sampingan lain se-

perti anak ikan, roti dan buah-buahan berikutan perbelanjaan bulanan bagi dedak mencecah RM20,000 sebulan.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan Asharun Uji berkata, pihaknya mengambil maklum berkenaan perancangan Pertubuhan Peladang Kebangsaan untuk meningkatkan sektor pertanian dan perladangan, namun pengusaha tempatan tidak seharusnya dibebankan dengan kenaikan kos bahan asas.

"Justeru langkah awal atau untuk jangka masa terdekat, ia memerlukan tindakan segera daripada pihak kerajaan," katanya. - Bernama



# Tangani kemelut bekalan makanan

Krisis makanan seperti minyak, telur perlu ditangani secara bijaksana oleh kerajaan.

Oleh **NORHASPIDA YATIM**  
**KUALA TERENGGANU**

**K**erajaan negeri digesa meningkatkan rantaian sumber bekalan makanan bagi menangani kemelut ketika ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Berangan, Sulaiman Sulong berkata, peranan agensi dan anak syarikat kerajaan negeri penting bagi memastikan isu berkenaan dapat ditangani secara berkesan.

"Krisis makanan seperti minyak, telur dan saumpamanya perlu ditangani secara bijaksana oleh kerajaan.

"Perancangan ekonomi yang berkesan juga perlu digerakkan bagi mengurangkan jurang kemiskinan sekali gus

mencapai guna tenaga peruh dan pertumbuhan ekonomi yang optimum," katanya ketika membahaskan Enakmen Perbekalan 2023 di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, pada Selasa.

Jelas beliau, rancangan kerajaan untuk melaksanakan program Iaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi golongan belia diliriat antara usaha yang perlu segera dilaksanakan bagi memberi impak tinggi.

Sulaiman memberitahu, penggunaan tanah secara optimum serta pembinaan infrastruktur yang berdaya saing perlu bagi mengelak ia terbiar dan tidak memberi sebarang pulangan hasil.

"Belia-beliau yang berminat untuk terlibat dalam industri ini perlu dilatih dengan pemudah cara oleh kerajaan dan agensi-agensi berkaitan.

"Penyediaan tapak pertanian baharu yang lebih sofisticated (canggih) sesuai dengan perkembangan teknologi semasa memandangkan kebanyakan rakyat Terengganu menjadikan pertanian sebagai sumber kehidupan," kata beliau.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata, keperluan membangunkan sektor pertanian bukan sekadar memenuhi keperluan sara diri, ia penting untuk menjadikannya se-



Sulaiman ketika membahaskan Enakmen Perbekalan 2023 di Dewan Undangan Negeri (DUN) di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu pada Selasa.

bagai hab pengeluaran bekalan dalam negeri serta eksport ke luar negara.

Katanya, ia bertepatan dengan peruntukan sebanyak RM29.18 juta yang diberikan kepada sektor pertanian dalam Belanjawan Terengganu 2023.

"Kerajaan perlu mengurus dan mengetuai agenda ini agar rakyat memanfaatkan secara cekap dan optimum. Kesannya, kadar kemiskinan boleh diatasi dan ekonomi akan sentiasa berada di peringkat guna tenaga peruh," ujarnya.



Penternak ikan air tawar terhimpit, tanggung kos tinggi

## Harga dedak naik hampir 50%

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Rata-rata penternak ikan air tawar di kawasan luar bandar terpaksa menanggung kos yang tinggi berikutan harga dedak makanan ikan dipercayai meningkat hampir 50 peratus sejak tahun lalu.

Seorang pengusaha ternakan ikan air tawar di Kampung Lapan Jaya, di sini, Mat Nawi Hussin, 63, berkata, dia mengeluarkan belanja sebanyak RM20,000 sebulan bagi membeli dedak untuk 100,000 ekor ikan di tujuh buah kolam ternakannya.

Katanya, bagi menjimatkan kos, dia terpaksa menggantikan dedak dengan makanan sampingan lain seperti kelapa sawit, anak ikan, roti dan buah-buahan.

"Harga biasa bagi satu beg makanan seberat 20 kilogram adalah RM54, namun harganya sudah naik kepada RM95.

"Sebelum ini, saya memerlukan enam beg dedak sehari untuk ikan kelah, patin, tilapia, tongsan dan lampam kerai. Ekoran kenaikan kos, saya terpaksa mengurangkan kepada tiga beg sehari," katanya di sini semalam.

Mat Nawi yang mengusahakan penternakan ikan hampir



**MAT NAWI** memberi dedak kepada ikan kelah di salah sebuah daripada tujuh kolamnya di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

30 tahun lalu berkata, kenaikan kos itu memberi kesan kepada perniagaannya apabila keuntungan diperoleh hanya cukup makan dan tidak mampu menggaji pekerja.

Katanya, kenaikan mula berlaku tahun lalu sehingga Oktober lepas, malah difahamkan akan berlaku lagi kenaikan harga.

"Saya harap kerajaan dapat memberi perhatian tentang masalah dihadapi tentang kenaikan harga makanan dan dedak ternakan ini.

"Jika ia berterusan, saya bimbang lebih ramai pengusaha atau penternak gulung tikar," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Me-

layu Malaysia negeri Kelantan, Asharun Uji berkata, pihaknya mendapati, berlaku kenaikan harga makanan ikan dan dedak haiwan ternakan di pasaran.

Katanya, langkah awal atau jangka masa terdekat memerlukan tindakan segera pihak kerajaan bagi membantu penternak terbahit.

142 peniaga naik harga telur, ayam dikompaun

**KUALA TERENGGANU** – Seramai 142 peniaga yang menjual ayam dan telur ayam melebihi harga siling telah dikompaun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HKP) Terengganu sepanjang tahun ini.

Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd. Kia berkata, kesalahan itu dikesan sejak pelaksanaan harga maksimum ayam dan telur ayam sejak 5 Februari lalu.

"Kompaun itu melibatkan amaun keseluruhan RM24,500. Penguatkuasaan dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencahutan 2011.

"Kita akan terus bertegas dengan mana-mana peniaga yang menaikkan harga dua barangan makanan keperluan itu termasuk kes terbaharu diterima semalam (kelmarin)," katanya di sini semalam.

Kosmo/ kelmarin melaporkan, bekalan telur ayam di sekitar daerah ini dan Kuala Nerus kembali stabil, namun harganya kini meningkat sehingga mencecah RM18 seapan bagi telur gred A.

Seorang peniaga dikenali sebagai Yusof, 44, mendakwa, dia mendapat bekalan antara 500 sehingga 600 papan telur ayam daripada pembekal pada Khamis lalu, namun dikenakan caj tambahan.

Dia mendakwa dikenakan caj tambahan iaitu caj penghantaran 2 sen untuk setiap biji telur sehingga memaksanya menaikkan harga jualan untuk semua gred.

Dalam perkembangan sama, Saharuddin berkata, KPDNHEP negeri sentiasa sedia upaya memastikan kepentingan pengguna terjaga.

Ujar beliau, kerjasama pengguna amat diperlukan bagi memastikan keberkesanan tindakan penguatkuasaan dapat dilakukan.

"Saya mohon sebarang aduan terperinci perlu disalurkan kepada KPDNHEP agar tindakan boleh diambil dengan segera," ujarnya.

Sebarang aduan rasmi boleh disalurkan menerusi aplikasi WhatsApp di talian 019-279 4317 dan 019-048 8000.

## 3 lelaki Thai 'kutip' diesel bersubsidi didakwa

**KANGAR** – Tiga lelaki Thailand yang ditahan kerana 'mengutip' diesel bersubsidi dari beberapa stesen minyak di negeri ini didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Mereka ialah Anan Pusu, 28; Amnuaprasit Chaiwichit, 42, dan Theerapong Wongyai, 25.

Ketiga-tiga tertuduh mengaku bersalah atas cubaan membawa keluar bahan api bersubsidi dari Malaysia ke Thailand di Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Padang Besar dekat sini.

Pengakuan itu dibuat setelah pertuduhan terhadap Theerapong Wongyai dibacakan di hadapan Majistret, Siti Norhasliza Md. Ali, manakala Anan Pusu dan Amnuaprasit Chaiwichit pula di hadapan Majistret Ana Rozana Mohd. Nor.

Hukuman terhadap mereka bagaimanapun belum ditatuhkan. Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 27 Januari depan sementara menanti



**AMNUAPRASIT** yang dituduh cuba menyeludup diesel bersubsidi ke Thailand dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar semalam.

serahan laporan kimia.

Mengikut kertas pertuduhan, Anan didakwa cuba membawa keluar 70 liter diesel menggunakan Toyota Hilux Vigo di Kompleks ICQS Padang Besar pukul 12.45 tengah hari, 25 November lalu. Amnuaprasit pula didakwa cuba membawa keluar 41 liter

diesel dengan memasukkannya ke dalam tangki asal kenderaan Ford Ranger untuk tujuan sama di lokasi yang sama pada pukul 11.40 pagi, 26 November lalu.

Theerapong didakwa memasukkan sebanyak 69 liter diesel ke dalam tangki asal kenderaan jenis Nissan Navara bagi tujuan

sama pada pukul 11.30 pagi, 26 November lepas.

Pendakwaan terhadap mereka dilakukan mengikut Sub Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 dan boleh dihukum mengikut Perenggan 5 (a) peraturan sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, mahkamah membenarkan Theerapong dan Amnuaprasit dibebaskan dengan jaminan RM10,000 setiap seorang dengan dua penjamin warga tempatan, manakala seorang lagi tertuduh, Anan tidak memohon jaminan mahkamah.

Hanya Theerapong yang membayar wang jaminan itu.

Tertuduh yang gagal melunaskan bayaran jaminan akan dibawa ke Pusat Koreksional Perlis sementara menunggu sebutan semula kes.



## Pemain industri tamak punca ayam kurang

**PETALING JAYA:** Isu kekurangan ayam dan telur yang masih berlaku di beberapa negeri ketika ini didakwa berpunca daripada sifat tamak pemain-pemain gergasi industri itu yang 'menunggu' subsidi tinggi disalurkan kerajaan bagi memperoleh keuntungan berganda hasil suntikan subsidi, serta jualan ayam dan telur di pasaran tempatan dan asing.

Malah, trend percaturan pemain industri bagi ayam dan telur bagi mendesak kerajaan menyalurkan subsidi terbukti berdasarkan rekod pengeluaran ayam dan telur beberapa bulan kebelakangan yang berlaku 'pasang surut'.

Menurut sumber industri yang terlibat dalam sektor penternakan ayam, meskipun dalam kalangan kartel-kartel ayam dan telur belum kedengaran suara yang mendesak subsidi tambahan, namun modus operandi mereka mengurangkan bekalan terbukti berdasarkan rekod pengeluaran ayam daging pada Julai dan Ogos lalu.

"Dalam soal menuntut subsidi tambahan pada skala besar, setakat ini belum ada lagi permintaan daripada penternak. Tapi, pihak kami ada memanjangkan hasrat kepada kerajaan supaya menaikkan subsidi dalam tempoh tiga bulan.

"Sebab, kami perasan, bila kerajaan beri subsidi dalam tempoh tiga bulan, semua penternak akan berebut-rebut mahu memasukkan anak ayam daging, sebab mereka (penternak) mahukan subsidi ini," kata sumber.

Sumber yang mewakili penternak wilayah tengah itu berkata, ketika kerajaan pada Julai lalu menyuntik subsidi dalam jumlah besar, jelas kelihatan peningkatan pengeluaran ayam daging.

"Langkah menyuntik subsidi sebagai 'umpan' bagi penternak mengeluarkan bekalan, terbukti dengan situasi sebelum ini. Masa Julai dan Ogos, kita dapati kerajaan bagi RM1.20 subsidi bagi setiap kilogram ayam. Sebab kami berada dalam industri, maka kami pantau selepas sebulan dan mendapati pengeluaran ayam daging memang di puncak.

"Kemudian, subsidi diturunkan kepada 80 sen, dan kita perasan dalam kalangan pemain-pemain industri ayam, pengeluaran berkurangan semula. Subsidi 80 sen ini sampai sekarang menyebabkan ayam ada tempat semakin mahal," kata sumber.

Sementara itu, satu sumber lain yang dihubungi berkata, dalam soal telur, tambahan subsidi dibuat oleh kerajaan sebanyak 7 sen pada Oktober, berbanding 3 sen kadar sebelum itu.

Pun begitu kata sumber, tambahan subsidi yang diberikan masih tidak berjaya mendorong pengeluaran telur pada skala optimum.

"Dalam isu telur pula, kerajaan menaikkan subsidi daripada 3 sen, kepada 8 sen campur 2 sen. Maksudnya, daripada 3 sen subsidi dinaikkan kepada 10 sen. Subsidi 3 sen ini sehingga September. Manakala Oktober ke atas, 10 sen.

"Cuma, penternak belum dibayar lagi 10 sen itu. Sebab tak silap saya, semasa kerajaan buat keputusan mahu beri 10 sen, tiba-tiba bubar Parlimen. Jadi, bajet tak turun lagi dari Kementerian Kewangan," kata sumber.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* melaporkan bekalan telur di beberapa negeri kembali stabil selepas kerajaan perpaduan dibentuk.

# Peniaga ayam, telur kena kompaun RM534,200

**KPDNHEP minta pengguna buat aduan terperinci jika ada peruncit langgar peraturan**

Oleh Irwan Shafrihan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun berjumlah RM534,200 kepada pengeluar, pemborong dan peruncit atas beberapa kesalahan menjual ayam dan telur sejak 5 Februari hingga keharin.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Azman Mohd Yusof, berkata kompaun membabitkan 2,205 tinda-

kan kes, masing-masing terhadap 13 pengeluar, 54 pemborong dan 2,138 peruncit, yang melakukan tiga kesalahan iaitu menjual ayam dan telur melebihi harga maksimum, tiada tanda harga merah jambu dan tidak meletak tanda harga.

Beliau berkata, nilai sitaan pula berjumlah RM336,634.80, iaitu masing-masing RM27,342.30 bagi pemborong dan RM309,292.50 bagi peruncit.

"Seramai 153 peniaga didapati menjual ayam dan telur melebihi harga maksimum; 1,980 gagal mempamerkan tanda harga merah jambu, manakala 72 tidak meletakkan tanda harga.

"Daripada jumlah itu, bagi telur ayam, seramai 22 peniaga didapati menjual melebihi harga maksimum bagi telur gred A, B, dan C; seramai 1,654 peniaga tiada tanda harga merah jambu dan 38 peniaga tidak mempamer tanda harga," katanya kepada

media, semalam.

Beliau berkata, sepanjang tempoh itu, sebanyak 142,019 pemeriksaan dilakukan, selain 223 aduan diterima KPDNHEP.

Katanya, kes tertinggi dilaporkan di Perak dengan 272 kes, diikuti Kelantan (270), Kedah (268), Johor (244), Selangor (182), Pahang (174), Sarawak (173), Sabah (148), Negeri Sembilan (117) dan Melaka (102).

Pada masa sama, beliau menasihatkan pengguna membuat aduan terperinci berkenaan tempatan dan lokasi jika mendapati peniaga melanggar peraturan dan undang-undang, termasuk antipencatutan.

"Kita minta kerjasama daripada semua pihak, berikan data maklumat yang betul, kita tiada masalah tetapi mahu lebih terperinci dan jelas supaya dapat terus dilakukan pemeriksaan di tempat yang diadakan berlaku kekurangan bekalan atau kenai-

kan harga," katanya.

Kelmarin, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Azman Adam, memaklumkan pihaknya tidak menerima sebarang laporan berkaitan penjualan telur ayam didakwa mencecah RMI7 satu papan seperti dilaporkan media.

## Tiada asas kukuh

Sementara itu, Azman berkata, tiada asas kukuh mengaitkan bekalan telur disorok dan kemudian dilambatkan dalam kerana Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Jelasnya, bekalan telur masih belum stabil sepenuhnya ketika ini, malah tinjauan dan pemeriksaan pihaknya mendapati beberapa negeri masih berdepan masalah bekalan.

Selain itu, Azman berkata, selain itu, Azman berkata, seringat ladang ada membangkitkan isu kos pengeluaran yang tinggi, namun pihaknya tidak

Tiada asas kukuh mengaitkan bekalan telur disorok dan kemudian dilambatkan dalam pasaran kerana Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15)



Azman  
Mohd Yusof  
Ketua Setiausaha  
KPDNHEP

nampak masalah kekurangan bekalan berlaku kerana mereka sudah diberi subsidi bagi telur Gred A, B dan C.

"Kita seimbangkan keperluan mereka dengan pemberian subsidi, daripada dua sen kepada lima sen dan sekarang sudah naik sehingga 10 sen," katanya.

Berhubung dakwaan ada telur busuk dan rosak dijual di pasaran, Azman berkata, beliau turut menerima aduan, namun tiada bukti diperoleh selepas pemeriksaan dijalankan.



## 'Bekalan telur belum stabil sepenuhnya'

**Petrageja:** Tiada asas kukuh mengaitkan bekalan telur disorok dan kemudian dilambakkan dalam pasaran kerana Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15).

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof, berkata bekalan telur masih belum stabil sepenuhnya malah tinjauan dan pemeriksaan pihaknya mendapati beberapa negeri masih berdepan masalah bekalan.

"Ada negeri dan kawasan di sesetengah tempat bekalan telur belum pulih dan berkurangan justeru, dakwaan bekalan sudah pulih adalah tidak berasas.

"Kita teruskan pemantauan, saya sudah minta pengarah negeri keuarkan data semasa hasil pemeriksaan mereka di lapangan, telur cukup atau tidak cukup.

"Kalau tidak cukup bekalan, kita akan hubungi pengeluar bagi mengetahui kenapa berlaku kekurangan bekalan dan minta mereka hantar segera bekalan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Azman berkata, sebelum ini pengusaha di peringkat ladang ada membangkitkan isu kos pengeluaran yang tinggi, namun pihaknya tidak nampak masalah kekurangan bekalan berlaku kerana mereka sudah diberi subsidi bagi telur Gred A, B dan C.

"Tapi kita sudah mengambil usaha dengan seimbang keperluan mereka itu dengan pemberian subsidi... dari dua sen ke lima sen sekarang sudah naik sehingga 10 sen.

"Saya tidak nampak masalah kekurangan bekalan itu, namun kita akan sentiasa berunding, kena faham kadang-kadang bukan sebab kos pengeluaran semata-mata, ada punca lain seperti cuaca, banjir, penyakit dan sebagainya," katanya.

Ditanya mengenai aduan pengguna berkenaan harga telur dijual sehingga RM18 sepapan, beliau berkata, KPDNHEP mahu pengguna melaporkan segera kepada penguatkuasa jika benar dakwaan itu memandangkan telur bagi gred A, B, C di pasaran terikat pada harga kawalan.

"Keresahan orang ramai ini boleh diajukan kepada KPDNHEP untuk dibuat tinjauan. Kita akan ambil tin-



**Saya tidak nampak masalah kekurangan bekalan itu, namun kita akan sentiasa berunding, kena faham kadang-kadang bukan sebab kos pengeluaran semata-mata, ada punca lain seperti cuaca, banjir, penyakit dan sebagainya"**

Azman

dakan sewajarnya jika berlaku kesalahan. Tidak wajar naik harga sewenang-wenangnya, harga kawalan perlu rujuk Kementerian.

"Jadi saya ingatkan pengguna supaya melaporkan aduan secara terperinci dan spesifik supaya tindakan segera boleh diambil.

"Boleh buat aduan, seberapa banyak pun boleh tetapi kena spesifik kerana kami tidak mempunyai kekuatan untuk memeriksa semua kedai atau pasar raya seluruh negara," katanya.

Berhubung dakwaan kononnya ada telur busuk dan rosak dijual di pasaran, Azman berkata, beliau turut menerima aduan sama namun, selepas diperiksa tiada bukti diperolehi.

"Saya ada dapat maklumat daripada pengarah negeri, ada orang adu, tapi bila mereka turun padang dan hasil pemeriksaan dan siasatan kata tidak ada pun telur busuk.

"Tapi misal kata, kita tahu tempat di mana secara spesifik dan dapat telur ditawarkan rosak, kita ambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan peraturan dan undang-undang sedia ada," katanya.

Kelmarin, Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Dr Saravanan Thambirajah, menggesa KPDNHEP mengambil tindakan tegas ke atas peniaga atau pembekal didapati menaikkan harga telur ayam walaupun kini bekalan hasil itu kembali pulih.

**Kuala Nerus:** Ada pelanggan di sekitar daerah ini sanggup membayar deposit kepada pekedai bagi memandangkan bekalan telur masih belum pulih.

"Ada dalam kalangan pelanggan mahu membayar deposit kerana tidak mahu bersusah payah mencari bekalan telur di tempat lain.

"Bagaimanapun, kita tidak lagi mengambil tempahan awal walaupun ada dalam kalangan pelanggan yang kita kenal kerana mahu menjaga hati semua pihak," kata pekerja di sebuah syarikat pemborong telur di daerah ini, Solehuddin Mohd.

Solehuddin, 24, berkata, sebelum ini, syarikat tem-

## Sanggup bayar deposit demi sepapan telur



SOLEHUDDIN menyusun telur di kedainya.

patnya bekerja ada mengambil tempahan telur daripada pelanggan tetap.

Bagaimanapun, ada dalam kalangan pelanggan menyuarakan kekesalan selepas gagal memperoleh telur walaupun sudah menunggu.

"Syarikat menerima bekalan telur sebanyak 2,000 biji daripada pembekal pada Sabtu lalu dan menjualnya pada harga RM14.40 bagi gred A, RM14 bagi gred B dan RM13.80 gred C.

"Biasanya, syarikat menerima 4,000 biji telur namun hanya menerima 2,000 hingga 2,500 biji sahaja.

"Malah, bekalan ini hanya mampu bertahan sehari saja apabila kedai diserbu orang ramai," katanya.

## KEMELUT TELUR AYAM

# Peruncit paling ramai dikompaun

Bername

Petrageja

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun berjumlah RM524,200 terhadap 2,205 pengeluar, pemborong dan peruncit ayam serta telur ayam membabitkan pelbagai kesalahan bagi tempoh 5 Februari hingga kelmarin.

Ketua Setiausaha KPDNHEP Datuk Azman Mohd Yusof berkata kompaun itu dikeluarkan menerusi 2,205 tindakan penguatkuasaan bagi membanteras pencatutan, harga barangan kawalan bersubsidi dalam tempoh berkenaan.

Beliau berkata, daripada jumlah itu 153 tindakan membabitkan kesalahan menjual melebihi harga maksimum, tidak memamerkan tanda harga merah jambu pada barang-



AZMAN

kawalan (1,980) dan tidak memamerkan tanda harga (72).

"Tindakan dan kompaun terbabit dikenakan terhadap 13 pengeluar, 54 pemborong dan 2,138 peruncit bekalan ayam dan telur ayam, dengan nilai sitaan adalah RM336,634," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program 'Sihat Ke Saya?' anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan

Awam Malaysia (Puspanita) cawangan KPDNHEP, semalam.

Azman berkata, pihaknya mengalu-alukan pengguna untuk membuat aduan melalui enam saluran rasmi KPDNHEP iaitu Pusat Arah Penguatkuasaan (ECC) dengan menelefon 03-8882 6088/6245, aplikasi Ez-ADU, menerusi talian hotline 1-800-886-800, WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000, portal e-Aduan <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> dan e-mel [eaduan@kpdnhep.gov.my](mailto:eaduan@kpdnhep.gov.my).

Mengenai dakwaan kewujudan kartel telur ayam yang menyorok bekalan itu sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15), beliau menyifatkan ia sebagai tuduhan tidak berasas, malah pihaknya tidak menerima sebarang aduan ber-

hubung kegiatan terbabit. "Sekiranya berlaku, pengguna boleh buat laporan kepada kami dan Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP akan jalankan siasatan, tetapi perlu kemukakan aduan terperinci bagi memudahkan pihak kami," katanya.

Bagi isu kenaikan harga telur ayam di pasaran, Azman berkata tindakan boleh dikenakan terhadap pemain industri di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) sekiranya didapati melanggar akta itu.

Baru-baru ini tular di laman media sosial mengenai bekalan telur ayam kembali pulih di pasaran namun dijual pada harga yang tinggi selain dikaitkan dengan kewujudan kartel telur ayam yang memanipulasi bekalan terbabit.



SEBANYAK 153 tindakan diambil membabitkan kesalahan menjual melebihi harga maksimum sepapan tempoh 5 Februari hingga kelmarin.